



PEKELILING PENTADBIRAN BIL.19/2019

**PEMAKLUMAN PELANTIKAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**


1. Adalah dimaklumkan bahawa YB Menteri Pendidikan melalui surat rujukan JPT.S (G) 2000/021/016/015 (36) bertarikh 13 Jun 2019 telah bersetuju melantik **YBhg. Prof. Ts. Dr. Arham bin Abdullah** sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) untuk tempoh tiga (3) tahun berkuatkuasa mulai 15 Jun 2019 sehingga 14 Jun 2022.
2. Seluruh warga Universiti Malaysia Kelantan mengucapkan tahniah kepada **YBhg. Prof. Ts. Dr. Arham bin Abdullah** atas pelantikan ini.
3. Semua warga UMK diminta mengambil perhatian berhubung perkara ini serta memberikan kerjasama sepenuhnya kepada **YBhg. Prof. Ts. Dr. Arham bin Abdullah** bagi membolehkan beliau menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai TNC (P&I) dengan cekap dan berkesan.
4. Pihak UMK juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada **YBhg. Prof. Dato' Dr. Ibrahim bin Che Omar** atas jasa, pengorbanan dan khidmat bakti yang telah dicurahkan sepanjang tempoh pelantikan sebagai TNC (P&I) UMK.

Sekian, terima kasih.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT SEPAKAT, NEGERI BERKAT"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


MOHD AKHMAL BIN ABU BAKAR
Menjalankan Tugas Pendaftar

16 JUN 2019

- s.k - Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
- Fail Edaran



MENTERI PENDIDIKAN
(Minister of Education)

SULIT

Ruj. Kami : JPT.S(G)2000/021/016/015 (36)
Tarikh : 13 Jun 2019

YBrs. Prof. Ts. Dr. Arham Abdullah

Pengarah
Bahagian Hubungan Industri
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 7, Menara 2, No. 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA

YBrs. Prof.,

PELANTIKAN SEBAGAI TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)

Saya merujuk perkara di atas.

2. Selaras dengan peruntukan di bawah **Perkara 12(6) Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK)**, saya dengan sukacitanya melantik YBrs. Prof. sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Malaysia Kelantan (UMK), untuk tempoh tiga (3) tahun berkuat kuasa mulai **15 Jun 2019 sehingga 14 Jun 2022**. Tempoh pelantikan YBrs. Prof. boleh ditamatkan atau dipendekkan pada bila-bila masa dengan pemberian notis 30 hari.

3. Saya mengucapkan tahniah atas pelantikan ini dan berharap agar YBrs. Prof. dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik dan cemerlang kepada universiti.

Sekian, terima kasih.

Yang ikhlas,

(DR. MASZLEE BIN MALIK)

SULIT